

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2907  
No. Penerbitan ..... 652/82

# REKOR

Oleh TAN SRI SHEIKH ABDULLAH

## "Amat sedih sekali...dan mendukacitakan," kata Dr. M

**'BERITA Minggu'** Julai 18, 1982 melaporan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad sebagai mengesahkan bahawa negara-negara Islam perlu bersatu padu dengan semangat persaudaraan bagi menghadapi berbagai masalah umat Islam, khususnya mengenai kejelaman Yahudi terhadap orang-orang Palestin.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, di waktu orang-orang Palestin memerlukan simpati dan pertolongan, negara-negara Islam hendaklah bersatu dan sepatutnya membantu saudaranya mereka.

Beliau amat sedih sekali kerana Perisidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam bagi membincangkan serangan Yahudi terhadap Lebanon gagal kerana tidak cukup korum...Amatlah menyedihkan ada negara-negara Islam yang tidak berminat hadir di perisidangan semacam ini untuk mencari penyelesaian terhadap masalah Palestin, tambahnya.

Perdana Menteri juga dukacita kerana sejak beberapa minggu ini ramai orang di negara-negara Islam tidak hidup secara Islam yang sebenarnya.

"Mereka tidak bersatu padu, tidak tolong menolong, tidak semangat, tidak berkesatuan dan tidak menuntut ilmu seperti yang dituntut oleh agama Islam," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun ada negara-negara Islam yang kaya, mereka kini lebih mengutamakan kepentingan masing-masing dari membantu saudara mereka kerana tidak didas oleh Yahudi (Mini-komen: Feminisme pemimpin negara-negara berkenaan, nampaknya, adalah lebih minat berlawan-lawanan, bermusuhan-musuhan dan bermaki-makian sesama sendiri dengan tujuan di satu pihak, agaknya, untuk meyakinkan pihak yang lain bahawa "Negara aku adalah lebih kaya, lebih handal dan mempunyai senjata yang lebih moden dari kamu". Dan di ketika Arab-Israelan Arab, musuh bersama mereka, yakni, Yahudi bertepuk-tangan dan bembaharajalela di Lebanon).

Beliau, yakni, Perdana Menteri, kluatir perkara seperti ini akan berlaku di negara ini jika umat Islam tidak mahu hidup secara Islam, iaitu bersatu padu, tolong menolong serta memupuk semangat persaudaraan. Katanya di negara ini juga terdapat orang-orang Islam yang tidak sedar hakikat ini dan cuba menimbulkkan perpecahan di kalangan masyarakat Islam. (Mini-komen: Orang-orang yang dimasukkan oleh Dr. M ini, agaknya, adalah berbagai-bagai orang. Principi: "Asaskan kami boleh memungut sedikit 'dividen politik' jangka pendek di hari ini, apa yang akan terjadi kepada masyarakat Islam di hari ini, di esok hari ataupun lusa, kami tidak peduli - itu belakang kita...")

\*\*\*

### Komen Penulis:

Oleh kerana apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri itu adalah menjelaskan kebanyakannya sendiri, maka komen penulis adalah berupa petikan dan petikan dari beberapa akhbar (dalam dan luar negeri) mengenai subjek yang

sama, yakni, ketidanan perpaduan dan semangat tolong-menolong di kalangan orang-orang Arab.

(a) "Penyisihan (isolation) PLO amat meyakinkan. Seperti sahabat Arabnya telah menyebarkan "abandoned", dari segi politik serta jua ketenteraan.

"Sebegitu sekali dingin (indifferent) sebahagian besar daripada mereka, ataupun sebegitu sekali terganggu fikiran mereka oleh bahaya... (yang) kembar berupa imperialisme dan fundamentalis Islam (Islamic fundamentalism) sehingga tidak lagi kedengaran ugutan dan ugutan terhadap Israeli yang biasanya di lontarkan beramai-ramai." Begitulah kata akhbar "The Washington Post", melalui hidup pengarangnya bertarikh Jun 17, 1982.

(b) Seorang Ketua Negara Arab (yang kaya Semasa) masyuk menasihatkan pemimpin PLO Yasser Arafat iaitu lebih baik bagi Arafat membunuh diri daripada menyerah mengikut syarat-syarat "Yahudi kerana mereka mengikut syarat membunuh diri: "Darah anda akan menjadi minyak untuk revolusi." (Your blood will be the fuel for the revolution). Nota: Para pembaca harap amati perbualan "Darah anda", yakni, "Your blood," yang akan menghidupkan revolusi dan BUKAN YA "Darah KITA", yakni darah anda dan darah saya."

Jawapan Arafat (seperti dilaporkan oleh agensi berita Palestin, WAFAP) pula berbunyi begini:—

"Nada yang mencerminkan perasaan putus asa di pihak anda itu amat menjukuhkan... Saya kini, kami berazam untuk meneruskan revolusi sehingga tercapai kemenangan."

Setelah mengesan negara-negara Arab kerana "keceyapan" (silengannya) kepada Arafat, beliau menambah: "Pejuang-pejuang Palestin adalah setia dan berani itu berharap sekurang-kurangnya kapal-kapal terbang Arab akan berada di belakang mereka untuk melindungi anak dan keluarga-keluarga mereka." (Bapa-rupanya, jauh sekali!)

"Mereka juga mengharapkan kapal-kapal perang (navy) Arab akan memberi bantuan dari laut", kata Arafat lagi (Alangkah hibanya hati Arafat bila mendapati asap kapal laut Arab pun lack nampak...)

Arafat menambah, "Saya sukai mengingatkan anda, wahai Brother... darilah perbincangan-perbincangan kita dahulu dan jikalau sahaja perbincangan yang tercapai dalam perbincangan perbincangan berkenaan dilaksanakan, musuh tertentu sekali tidak akan berani melakukan apa yang mereka lakukan di hari ini" (Bangkok Post Julai 6, 1982).

(c) Sebahak akhbar (luar negeri) yang lain pula bertarikh Julai 7, melaporan, para isteri kepada Duta-Duta Arab yang berkhidmat di Amerika Syarikat telah mengambil satu tindakan yang amat berlainan sekali dari peranan diplomatik biasa mereka... Mereka berderi beramai-ramai di hadapan "White House" (rumah Presiden) sebagai membantah peperangan di Lebanon.

Dengan berpakaian hitam, mereka mengadakan risalah-risalah yang mengutuk peritidaan yang disebabkan oleh askar-askar Yahudi dan bom-bom yang dibekalkan oleh Amerika Syarikat. (Mini-komen: Mengingatkan "womenfolk" Arab berkenaan terpaksa mengambil tindakan luar biasa disebabkan oleh kekurangan tindakan, yakni, "lack of action" di pihak "menfolk" mereka?)

(d) Akhbar yang sama juga melaporan bahawa status sukarelawan dari Tunisia, yang telah menawarkan diri untuk berkhidmat bersama-sama dengan orang Palestin di Lebanon, telah mula berasa "frust" ataupun bosan.

Komputer mereka sendiri, mereka yang dilemparkan di sebuah kem di dalam "Damanhur" dan sehingga ke hari ini masih dalam keadaan "tidur bergelak", yakni: immobilised. Dan ser...

senjata yang dibekalkan kepada mereka adalah berkehadapan cacat (defective). (Mini-komen: Jangan-jangan pula "tiruan"—dibikin di belakang dapor, tapi lebih hebat "Made in USSR atau "Made in France"?)

(e) Menteri Dalam Negeri Pakistan, Mahmud Haroun, berkata negara-negara sedang membantu pejuang-pejuang Palestin dan Lebanon menentang Israel, termasuk tenteranya. Tetapi, Pakistan tidak berupaya menghantar sendiri tenteranya ke Lebanon. (Berita Minggu, Julai 18, 1982)

Sambil merujuk kepada desakan dari setengah-setengah golongan pembangkang, Menteri Haroun berkata: "Kemana Pakistan akan menghantar tenteranya? Kesemua Lebanon berada dibawah kontrol Israeli. Dan lbunegeranya, iaitu Beirut tidak menjadi sasaran serangan tentera Israel." (Malay Mail, Julai 7, 1982). (Mini-komen: Apa yang ditawarkan oleh Menteri Dalam Negeri Pakistan itu adalah menunjukkan betapa "keliru" dan "celaru" sekali keadaan, dari segi "co-ordination" di kalangan negara-negara Arab yang berpecah belah sesama sendiri, iaitu "Kordinasi" akan hanya boleh terdapat di kalangan mereka yang bersedia bekerjasama sesama sendiri untuk menentang musuh bersama.)

Kesimpulan: Apa yang berlaku di Timur Tengah di hari ini mungkin akan membukakan (seluas-isasnya) mala orang-orang Islam di sana dan di sini termasuk negara kita sendiri dalam perpaduan dan semangat persaudaraan (mengikuti ajaran Islam) sesama sendiri, kekayaan dan bilangan penduduk tidak ada maknanya. Mereka yang kaya itu dengan mudah boleh di "daily" dan dibina oleh musuh yang lebih kekil dan kurang kaya) bukan kerana kekuatan musuh, tapi kerana kelemahan sendiri — "kelelahan" akibat perpecahan sesama sendiri.

☆☆☆

### Ekor Ruang:

Seorang pegawai tentera Israel di Sidon, dibahang selatan Lebanon, telah melabok selubung-not kertas Lebanon, yang bernilai kira-kira setengah juta ringgit duit kita. Dia berdebat bertulis, kerana takutkan duit berkenaan jatuh ke tangan askar-askar di bawah perintahnya.

Pegawai tersebut menjumpai not-not pound Lebanon itu setelah bandar Sidon jatuh ke tangan tentera Yahudi.

Kata pegawai berkenaan: "Saya membuat keputusan untuk membakarnya, kerana saya tidak mahu menyediakan orang-orang saya kepada "temptation", yakni, godaan. (Dipetik dari sebuah akhbar luar negeri dibawah tajuk "Fortune of War Was Too Hot to Handle")."

### Catitan Khias:

Mendalam, nampaknya, pengetahuan pegawai Yahudi berkenaan di bidang psikologi manusia — pengetahuan yang mungkin diperolehi dengan membaca buku ataupun menonton TV. Kerana secara berpecahan menonjol cerita cowboy atip gegu Mafia di TV, jiran di sebelah rumah seringkali menyuarakan falsafahnya kepada penulis yang berbunyi: "Wang punya pasal, Aya, kawan boleh kasit mati sama kawan, adik pula kasit pakai sama abang..."

☆☆☆